



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 63/2024

YAB PERDANA MENTERI MINTA FAM SEDIAKAN PELAN PERANCANGAN PENINGKATAN PRESTASI SKUAD HARIMAU MALAYA

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, mahukan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) menyediakan pelan perancangan dan Indeks Petunjuk Prestasi untuk menjamin peningkatan prestasi skuad Harimau Malaya.
2. Tuntutan itu dikemukakan sebagai balasan kepada komitmen Kerajaan yang bersetuju memberi peruntukan RM15 juta untuk membantu usaha memperkasakan pasukan kebangsaan, termasuk skuad bawah 23 tahun kebangsaan.
3. Dato' Seri Anwar berkata demikian ketika bertemu kepimpinan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) pada hari ini selain turut menyatakan bahawa peruntukan itu akan dipantau secara berkala oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).
4. KBS akan mendapatkan khidmat bantuan Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) untuk melakukan penilaian semula (review) keberkesanan Program Pembangunan Bola Sepak Kebangsaan (NFDP) yang dikendalikan Majlis Sukan Negara (MSN) supaya penambahbaikan boleh dilakukan.
5. Perdana Menteri juga memaklumkan komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan ekosistem sukan negara dan peruntukan yang disalurkan untuk Harimau Malaya ini tidak akan mengurangkan peruntukan yang disalurkan kepada sukan-sukan lain.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
19 September 2024



Perdana Menteri bersama kepimpinan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS)